


URUTAN gambar menunjukkan simulasi dijalankan JPAM untuk menyelamatkan mangsa lemas.



TRAGEDI LEMAS

# AWASI TANDA AWAL

■ Kepala air, arus tempur boleh dielak jika pengunjung lebih peka



Oleh Mohd Nasif Badruddin  
mnasif@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Fenomena kepala air di air terjun dan arus tempur di pantai yang terjadi secara tiba-tiba antara perkara paling ditakuti kerana mangsa sukar menyelamatkan diri dan boleh menyebabkan lemas.

Kepala air atau sumber sungai bermaksud gelombang aliran air mengesut dalam kuantiti besar mengalir dari hulu sungai atau air terjun ke sungai utama yang lazimnya berpunca daripada hujan lebat di hulu sungai.

Apabila hujan lebat, aliran air boleh membawa pelbagai kelodak, batu serta kayu dan ia merempuh apa saja halangan di hadapannya.

Begitupun, orang ramai boleh memerhatikan pe-

tanda awal kepala air antaranya keadaan langit gelap di hulu sungai (kawasan puncak bukit) disertai dengan bunyi guruh kuat, bunyi dentuman gerakan batuan atau air dari hulu sungai, air sungai berbuih dan meningkat tiba-tiba seperti kelodak, daun reput atau ranting kayu muncul banyak di permukaan air.

Arus tempur atau turut dikenali sebagai ombak dan gelombang pecah pula adalah arus air yang mengalir kuat ke arah laut dari sekitar pantai, biasanya melalui garis selancar dan terjadi pada setiap pantai yang bergelombang pecah.

Kebiasaannya ombak mengalir selari dengan pantai, namun dengan adanya tiupan angin menyebabkan berlaku arus tempur yang melintang dan ia berbahaya kerana dapat menyeret

mangsa berenang jauh daripada pantai dan boleh tenggelam akibat keletihan ketika berusaha berenang melawan arus.

Antara petanda ancaman itu ialah air laut kelihatan tenang dan tidak berombak, warna air lebih gelap, serpihan sampah sarap dan rumpai laut di pantai.

Ketua Jabatan Pengajian Sukan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Tengku Fadilah Tengku Kamalden berkata, air terjun dan pantai kawasan paling berisiko kerana ia berarus deras dan berombak yang boleh menarik mangsa ke tempat lebih jauh.

Katanya, lemas berpunca daripada kurang pengetahuan keselamatan air sama ada individu itu sendiri atau dalam keluarga menyebabkan mangsa atau orang sekeliling panik kerana tidak tahu untuk bertindak.

"Masyarakat kita kurang didedahkan dengan renang kerana ada beranggapan ia kurang penting dan mahal, se-

dangkan banyak tempat rekreasi di negara kita berasaskan air.

"Di United Kingdom, setiap kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah diwajibkan berenang 50 meter sebelum memasuki sekolah menengah, namun keadaan berbeza dengan sistem pendidikan jasmani negara kita," katanya.

Beliau yang juga bekas Naib Presiden Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (LSSM) dan atlet renang negara tahun 1980-an berkata, orang ramai tidak peka risiko awal di tempat rekreasi air seperti arus deras, ombak, ke-  
dalamannya, cuaca dan kemungkinan lain seperti laluan pengangkutan air, batu dan sebagainya.

Menurutnya, kekurangan papan tanda amaran dan pemantauan pihak berkuasa menjadi faktor kes lemas, selain kualiti peralatan seperti jaket keselamatan dan pelampung rosak.

Katanya, mereka yang berenang atau terbabit dengan rekreasi air perlu menggunakan pakaian berseesuaian seperti menggunakan kain lycra yang melekat di badan selain nipis dan menyerap air supaya ia

tidak menambah beban.

"Sebab itu dalam kolam renang terkawal seperti di pusat rekreasi dan perumahan, orang ramai diwajibkan memakai pakaian tertentu dan kini banyak produk sebegini di pasaran yang menutup aurat dan sesuai untuk Muslimah," katanya.

Dr Tengku Fadilah berkata, geografi Malaysia yang kaya dengan tempat rekreasi air seperti air terjun, pantai, sungai dan tasik memerlukan penggemblengan tugas semua pihak bagi mengelak kejadian tidak diingini seperti lemas daripada berlaku.

Katanya, beliau menyokong penuh usaha kerajaan mewujudkan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) bagi menyelaras isu berkaitan kes lemas dan keselamatan air supaya isu terbabit diberi perhatian serius seperti kes kemalangan di darat dan mempunyai Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) untuk memantaunya.

Menurutnya, badan itu bukan saja perlu dianggotai agensi kerajaan berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi juga membabitkan ahli akademik dan pihak hotel yang sesetengahnya tidak menyediakan penyelamat kerana beranggapan kolam cetek dan memberitahu

makluman awal sebarang aktiviti di bawah tanggungan atau risiko sendiri.

"Usaha awal perlu digerakkan di peringkat sekolah rendah lagi dan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi atau di tempat kerja.

"Pihak berkuasa perlu mempunyai data khusus kes lemas dan membuat kajian lanjut seperti lokasi dan waktu berisiko bagi memudahkan program susulan dan langkah pencegahan," katanya.

**FAKTA**

Kurang pengetahuan keselamatan air antara punca lemas

**AWAS "KEPALA AIR"**

- Hutan Lipur ini mengalami fenomena aliran air deras (kepala air) secara semulajadi.
- Sentiasa berwaspada dengan fenomena ini semasa anda bermandi manda
- Tanda-tanda awal fenomena ini adalah seperti berikut :
  - Keadaan langit gelap di bahagian hulu sungai (kawasan puncak bukit) di sertai dengan bunyi guruh yang kuat.
  - Bunyi dentuman gerakan batu batuan dari hulu sungai
  - Air sungai berbuih dan meningkat secara tiba-tiba.
  - Siren amaran berbunyi.
- Apabila tanda-tanda ini dikesan anda perlu memastikan diri dan keluarga meninggalkan sungai dengan SERTA MERTA.
- Kejadian arus deras ini (Kepala Air) boleh berlaku bila-bila masa
- Tindakan anda menjamin keselamatan diri dan keluarga anda.

Arahan Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan Darul Khusus



FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL DAN SAIRIEN NAFIS



ANGGOTA JPAM melakukan tinjauan melalui menara peninjau di Pantai Miami, Batu Ferringhi, Pulau Pinang.

penyelamat JPAM Puteri, Melaka.



Negeri	Jumlah Menara	Pantai	Keluasan Pantai (Panjang) Sebelah Kiri Menara	Keluasan Pantai (Panjang) Sebelah Kanan Menara	Jumlah Pengunjung Dalam Sehari
<b>KEDAH</b>	4	Pantai Cenang Pantai Tengah Pantai Merdeka Pulau Payar (Menara dari JTLM)	800m 500m 500m 100m	1,000m 800m 1,000m 200m	1,500 orang (mengikut musim) 170 orang (mengikut musim) 485 orang (mengikut musim) 600 orang (mengikut musim)
<b>PULAU PINANG</b>	5	Pantai Golden Sands Pantai Miami Pantai Pasir Panjang Pantai Belacan Pantai Bayu Senja	500m 120m 120m 200m 200m	300m 160m 160m 200m 500m	200 orang 100 orang 100 orang 50 orang 200 orang
<b>PERAK</b>	2	Teluk Batik Pulau Pangkor	500m	200m	100 orang
<b>SELANGOR</b>	2	Pantai Kelanang Pantai Bagan Lalang	1km 1km	800m 1km	Lebih kurang 200 orang 100-200 orang
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	3	Bt 8, Teluk Kemang Bt 7, Teluk Kemang Bt 4, Pantai Saujana	700m 4km 3km	4km 700m 500m	2,500 orang 500 orang 1,500 orang
<b>MELAKA</b>	3	Pengkalan Balak Tanjung Bidara Pantai Puteri	3 km 1.5km 2.1km	2.5km 1.2km 2km	Lebih kurang 1,000 orang Lebih kurang 600 orang Lebih kurang 600 orang
<b>JOHOR</b>	1	Pantai Air Papan	1km	1km	200 orang
<b>PAHANG</b>	7	Pantai Sepat Teluk Cempedak Pantai Batu Hitam Pantai Cherating Pulau Tioman (Menara Jabatan Taman Laut) Pantai Air Leleh (Pangkalan sahaja)	1km 2.5km 2km 200m 1.4km  200m	1km 2.5km 3.0km 500m 400m  500m	500 orang 1,000 orang 200 orang 80 orang 200 orang  80 orang
<b>KELANTAN</b>	2	Pantai Cahaya Bulan Pantai Irama Pantai Getting Pantai Tok Bali (Belum beroperasi)	300m 500m 300m 250m	300m 500m 100m 250m	400-600 orang (cuti hari minggu) 3,500 orang (cuti hari minggu) 1,500 orang (cuti hari minggu) 1,000 orang (cuti hari minggu)
<b>TERENGGANU</b>	3	Pantai Bukit Keluang Pulau Redang (Menara dari JTLM) Pulau Perhentian	900m 0 (kawasan batu) 400m	250m 200m 300m	1,000 orang (hari minggu)vv 600 orang (hari biasa) 1,200 orang (hari cuti sekolah) 700 orang (hari minggu)
<b>SARAWAK</b>	2	Esplanade Pantai Santubong (Damai Beach Resort & Damai Puri)	500m 300m	500m 1.2km	100-200 orang 100-200 orang
<b>SABAH</b>	4	Tanjung Aru Tanjung Simpang Mengayau, Kudat Pantai Makuou Tungku, Lahad Datu	1.5km 200m 500m	1.5km 200m 500m	200-300 orang 25-100 orang 20-150 orang

## Letak anggota tempat berisiko

**Kuala Lumpur:** Berikutan tragedi lemas mengorbankan lima sekeluarga di Air Terjun Belukar Bukit, Hulu Terengganu pada 19 Disember lalu, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) mengambil inisiatif proaktif menempatkan anggota di lokasi berisiko berlaku kecemasan di seluruh negara.

Antara lokasi termasuk kawasan rekreasi dan tumpuan orang ramai selari dengan arahan dan saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim.

JPAM dalam kenyataan dikeluarkan kepada Harian Metro berkata, pasukan penyelamat kece-

masan JPAM bukan satu bidang tugas baru diperkenalkan, sebaliknya fungsi sedia ada dan penugasan ditambah baik.

"Pasukan itu menjalankan tugas mengawal selia, pemantauan dan rondaan di kawasan rekreasi berpotensi berlakunya kecemasan membolehkan anggota bertugas bertindak segera.

"JPAM menitikberatkan kemahiran anggota penyelamat dan setiap anggota penyelamat ini sememangnya mempunyai kemahiran sesuai dengan peranannya," katanya.

Dalam kenyataan itu menyebut, sehingga kini terdapat 38 menara pe-

nyelamat pantai di seluruh negara dan sudah beroperasi sepenuhnya serta masih mengenal pasti pusat rekreasi dan kawasan berisiko untuk menempatkan anggota.

"Setiap anggota diberi latihan dan kemahiran seperti rawatan kecederaan, rawatan cemas, kemahiran menyelamat dan teknik kendalian bot.

"Peralatan menyelamat dan perubatan dibekalkan kepada anggota di lapangan, selain menempatkan ambulans bagi memudahkan penghantaran mangsa ke hospital berhampiran," katanya.

Bagi sesetengah lokasi khususnya di kawasan

pantai, anggota JPAM dilengkapi jet ski dan kenderaan pelbagai permukaan (ATV).

"Dalam tragedi tsunami pada Disember 2004, pasukan penyelamat pantai JPAM di menara Pantai Batu Ferringgi, Pulau Pinang berjaya mengesan dan memberi amaran awal kepada pengunjung pantai mengenai kehadiran ombak besar.

"Tindakan pantas anggota dapat mengelak malapetaka kehilangan nyawa lebih besar dan susulan itu, JPAM secara aktif menubuhkan lebih banyak menara penyelamat pantai seluruh negara," katanya.